

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
6 & 9 BULAN PROMOSI e-DEPOSIT TETAP / e-DEPOSIT-i KOMODITI MURABAHAH
2024
("Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini")**

Pelanggan- pelanggan yang berminat untuk menyertai kempen ini dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mendaftar penyertaan mereka dalam kempen ini.

Mana-mana pelanggan yang tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat ini boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB, yang butiran hubungannya dinyatakan dalam klausa Terma dan Syarat Am di bawah.

PENGANJUR-PENGANJUR KEMPEN

1. **Kempen 6 & 9 Bulan Promosi e-Deposit Tetap ("e-DT") / e-Deposit-i Komoditi Murabahah ("e-CMDi") 2024 ("Kempen")** dianjurkan oleh RHB Bank Berhad [No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)] dan RHB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran 200501003283 (680329-V)] (secara kolektif, "RHB").

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini berlangsung dari **17 April 2024** hingga **30 Jun 2024** ("**Tempoh Kempen**"), termasuk kedua-dua tarikh atau sehingga mencapai sasaran kempen, yang mana terdahulu ("**Tempoh Kempen**").

KELAYAKAN

3. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pelanggan individu RHB (pemastautin dan bukan pemastautin) bagi segmen Perbankan Konsumer dan yang telah mendaftar sebagai pengguna Perbankan dalam Talian RHB sebelum atau semasa Tempoh Kempen ("**Peserta Yang Layak**").
4. "**Kumpulan Perbankan RHB**" bermaksud RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad, RHB Insurance Berhad dan sekutu masing-masing, syarikat-syarikat pemegangan, syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat/perbadanan-perbadanan berkaitan, pengganti-pengganti dan penerima serah hak.

MEKANISME KEMPEN

5. Untuk layak menyertai Kempen e-DT/e-CMDi ini, semua peletakan deposit boleh melalui Perbankan dalam Talian RHB melalui:
 - (a) Pemindahan dana dari bank lain melalui Financial Process Exchange ("FPX"). FPX adalah satu kaedah pembayaran secara atas talian yang selamat bagi memudahkan pemindahan dana antara bank- bank. FPX tidak dimiliki oleh RHB. FPX diuruskan oleh Payment Network Malaysia Sdn Bhd ("PayNet"), sebuah anak syarikat milik penuh Bank Negara Malaysia. Maklumat lanjut boleh didapati di www.paynet.my; atau
 - (b) Pemindahan dari Akaun Semasa/-i & Akaun Simpanan/-i ("ASAS/-i") RHB.
6. Kadar promosi ("**Kadar Promosi**") adalah seperti berikut:

Tempoh (Bulan)	Kadar Promosi, setahun*	Peletakan e-DT/ e-CMDi
6	3.65%	Minimum RM1,000
9	3.70%	Minimum RM1,000

**Sekiranya terdapat perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR), Kadar Promosi boleh disemak semula*

7. Kadar Promosi disediakan bagi peletakan dibuat oleh Peserta Yang Layak semasa Tempoh Kempen dari pukul 7:00 pagi sehingga pukul 11:00 malam melalui Perbankan dalam Talian RHB, tujuh (7) hari seminggu, atau pada waktu seperti yang ditetapkan di Perbankan dalam Talian RHB.

8. Pada tarikh matang, amaun e-DT/e-CMDi tersebut akan diperbaharui secara automatik kepada Deposit Tetap ("DT)/Deposit-i Kommoditi Murabahah ("CMD-i") biasa untuk tempoh yang sama pada kadar semasa seperti yang diterbitkan di laman web Kumpulan Perbankan RHB.
9. Bagi pelanggan baru e-CMDi, adalah wajib untuk memiliki ASAS-i sebagai akaun sekutu untuk peletakan e-CMDi; manakala bagi pelanggan sedia ada, mereka boleh memilih untuk menggunakan ASAS-i mereka untuk tujuan pembayaran keuntungan.
10. Faedah/keuntungan dibayar dalam Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i RHB ("ASAS/-i") apabila matang dan Peserta Yang Layak mesti mengekalkan ASAS/-i RHB yang aktif untuk tujuan pembayaran faedah/keuntungan.
11. Kadar efektif tahunan untuk tempoh enam (6) bulan ialah 3.18% setahun dengan anggapan e-DT/e-CMD-i diperbaharui dengan tempoh yang sama pada kadar semasa seperti yang diterbitkan di laman web Kumpulan Perbankan RHB. Sekiranya terdapat perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar efektif boleh disemak semula.
12. Kadar efektif tahunan untuk tempoh sembilan (9) bulan ialah 3.45% setahun dengan anggapan e-DT/e-CMD-i diperbaharui dengan tempoh yang sama pada kadar semasa seperti yang diterbitkan di laman web Kumpulan Perbankan RHB. Sekiranya terdapat perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar efektif boleh disemak semula.
13. Peletakan e-DT tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Peserta Yang Layak sebelum tamat tempoh e-DT untuk Kempen ini. Jika tidak, RHB berhak mengikut budi bicaranya untuk memberi kepada Peserta Yang Layak Kadar Promosi e-DT mengikut kadar semasa DT bagi tempoh enam (6) dan sembilan (9) bulan.
14. Peletakan e-CMDi tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Peserta Yang Layak sebelum tamat tempoh e-CMDi untuk Kempen ini. Jika tidak, Peserta Yang Layak mengaku dan bersetuju melepaskan haknya untuk menuntut harga jualan penuh dan dengan itu, RHB akan membayar kepada Peserta Yang Layak berdasarkan kadar semasa e-CMDi bagi tempoh enam (6) dan sembilan (9) bulan.
15. Pengeluaran separa adalah tidak dibenarkan.
16. Sekiranya Peserta Yang Layak melakukan pengeluaran e-DT secara pra-matang, tiada faedah akan dibayar atas jumlah e-DT yang dikeluarkan sebelum tamat tempoh e-DT.
17. Sekiranya Peserta Yang Layak melakukan pengeluaran e-CMDi secara pra-matang, Peserta Yang Layak mengaku dan bersetuju melepaskan haknya untuk menuntut harga jualan penuh dan tiada keuntungan akan dibayar atas sebarang jumlah e-CMDi yang dikeluarkan sebelum tamat tempoh e-CMDi.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

18. Dengan menyertai Kempen, setiap Peserta Yang Layak bersetuju dengan perkara berikut:-
 - (a) beliau terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - (b) (i) dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi, RHB boleh:-
 - (1) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau menggantung atau menamatkan Kempen ini berikutan pengenalan atau perubahan dalam mana-mana undang-undang atau keperluan-keperluan kawal selia yang terpakai kepada RHB dan/atau Kempen ini; atau

- (2) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini jika, tanpa perubahan sedemikian, Bank tidak akan dapat memberi kesan kepada Kempen ini.
- (ii) RHB boleh memberi notis sedemikian:-
- (1) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian kepada Peserta-Peserta Yang Layak;
 - (2) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) untuk perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian melalui Perkhidmatan Mesej Ringkas (*Short Message Service ("SMS")*) atau Mesej Langsung Elektronik (*Electronic Direct Message ("EDM")*) kepada Peserta-Peserta Yang Layak; atau
 - (3) dengan memaparkan notis tersebut dan sebab(-sebab) bagi perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian di cawangan-cawangan RHB atau laman web RHB.
- (iii) Mana-mana Peserta Yang Layak yang tidak bersetuju dengan perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian dikehendaki memberitahu RHB dan tidak akan lagi berhak untuk menyertai Kempen ini.
- (c) mana-mana Peserta Yang Layak yang telah menipu atau melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang atau penipuan berhubung dengan Kempen ini dan/atau produk yang digunakan dalam Kempen ini, akan digugurkan daripada Kempen ini;
- (d) bersetuju untuk melayari laman web RHB untuk membaca Terma dan Syarat ini dan sentiasa sedia maklum dengan sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma dan Syarat ini;
- (e) bersetuju untuk tidak meneruskan sebarang penyertaan lanjut dalam Kempen ini dengan memaklumkan RHB jika ada sebarang pengubahsuaian di masa hadapan Terma dan Syarat ini yang tidak boleh diterima.
- (f) bersetuju bahawa dengan menyediakan maklumat peribadi, Pelanggan yang Layak mengizinkan RHB memproses maklumat peribadi mereka untuk apa-apa dan / atau semua tujuan yang berikut ("**Tujuan**"), jika berkenaan:
- i. mentadbir Kempen ini dan menghubungi Pelanggan yang Layak berkaitan dengan perkara yang sama;
 - ii. penjualan silang, pemasaran dan promosi produk dan / atau perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB dan rakan-rakan kongsi strategiknya; atau
 - iii. lain-lain tujuan perniagaan yang berkaitan dan sah;
- (g) bersetuju bahawa maklumat peribadi Pelanggan yang Layak mungkin didedahkan kepada syarikat lain dalam Kumpulan Perbankan RHB (yang termasuk syarikat induknya, anak-anak syarikat, dan mana-mana syarikat bersekutu, termasuk mana-mana syarikat akibat daripada penyusunan semula, penggabungan, jualan atau pengambilalihan), penyedia perkhidmatan, dan vendor dan mana-mana ejen, pekerja dan / atau orang-orang tersebut, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut, jika berkenaan, tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, piawaian, garis panduan dan / atau kewajipan) yang terpakai kepada RHB.
- (h) boleh menjalankan pilihan mereka berkenaan dengan menerima bahan-bahan pemasaran (termasuk penjualan silang, pemasaran dan promosi seperti yang dinyatakan di atas) dengan menghubungi kami melalui Butiran RHB.

- (i) beliau seterusnya memberi kebenaran-kebenaran kepada RHB untuk mendapatkan dan memproses maklumat peribadinya untuk tujuan-tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB atau pakatan strategiknya yang RHB fikir mungkin menarik minatnya. Beliau mempunyai pilihan untuk memilih sama ada untuk menerima bahan pemasaran dan promosi untuk bahan yang sama daripada RHB dan boleh memilih atau menukar pilihannya dengan menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB seperti berikut:

Pusat Hubungan Pelanggan RHB

E-mel : customer.service@rhbgroup.com

Telefon No. : +603-9206 8118

Borang : rhbgroup.com/personal/banking-methods/contactus.html;

- (j) melainkan jika terdapat sebarang kesilapan yang nyata (jelas), keputusan RHB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Peserta Yang Layak;
- (k) beliau boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB untuk semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini (termasuk sebarang permintaan untuk menukar atau mengehadkan pemprosesan maklumat peribadinya) kepada Pusat Hubungan Pelanggan RHB;
- (l) jika beliau tidak berpuas hati dengan resolusi yang diberikan oleh Pusat Hubungan Pelanggan RHB dan jika produk(-produk) yang digunakan oleh Kempen ini adalah:-
- (i) produk(-produk) perbankan, beliau kemudiannya boleh merujuk perkara itu kepada pengendali Skim Ombudsman Kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia:

Ombudsman bagi Perkhidmatan Kewangan (OFS)

Alamat: Level 14, Menara Takaful Malaysia
No 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

No. Telefon: +603-2272 2811

No. Faksimili: +603-2272 1577

E-mel: enquiry@ofs.org.my; atau

- (ii) produk(-produk) unit amanah, beliau kemudiannya boleh merujuk perkara itu kepada Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia:-

Alamat: Unit A-9-1, Level 9, Tower A
Menara UOA Bangsar
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur

No. Telefon: +603-2282 2280

No. Faksimili: +603-2282 3855

E-mel: info@sidrec.com.my;

- (m) Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Perbankan Peribadi yang boleh didapati di:
https://www.rhbgroup.com/-/media/Assets/Corporate-Website/Document/Others-TnCs/Updated/personal_banking_tnc_bm.pdf
- (n) RHB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang keingkaran yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh bencana alam, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, tindakan perindustrian, atau tindakan pegganas yang tidak berpunca dari perbuatan, tindakan, keingkaran, kecuaiian dan/atau salah laku RHB dan/atau mana-mana pekerja, wakil atau ejen RHB; dan

- (o) jika berlaku sebarang percanggahan antara Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan digunakan bagi perkara-perkara yang ditadbir oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.